



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
PADA 9 JULAI 2019**

Tawaran adalah dipelawa kepada **syarikat-syarikat tempatan** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN	TARIKH TAKLIMAT
<b>SH/SUKNS/ BIL.30/2019</b>	Perkhidmatan Penyewaan Dan Pengurusan Mesin Fotostat Multifungsi Bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.  Peringatan: Kehadiran Taklimat adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri lawatan tapak. Sebarang rayuan tidak akan diterima.	<b>221502</b>	<b>RM50.00</b> setiap satu borang	Tarikh: <b>15.7.2019</b> (Isnin)  Masa: <b>9.30 pagi</b>  Tempat:  <b>Bilik Teratai, Tingkat G, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.</b>

Dokumen Sebut Harga boleh dibeli pada waktu pejabat mulai **15-22 Julai 2019** di Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Kontraktor/ Pembekal dikehendaki membawa **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di nyatakan dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA (jika berkenaan)** yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** semasa membeli dokumen Sebut Harga.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus sebelum atau pada pukul 12.00 tengah hari, 22 Julai 2019 (Isnin)**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan dan mana-mana syarikat yang tidak menghadiri taklimat pada tarikh ditetapkan tidak layak memasuki tawaran Sebut Harga.